

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH YB DATUK SRI DR S. SUBRAMANIAM

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman
Razali [Kuala Nerus]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status dan statistik aktiviti penjualan ubat tidak berdaftar di negara ini dan tindakan-tindakan yang dilakukan bagi menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Berikut merupakan status aktiviti penjualan ubat tidak berdaftar di negara ini yang telah diambil tindakan.

RAMPASAN KELUARAN TIDAK BERDAFTAR MELALUI SERBUAN

TAHUN	BIL. RAMPASAN (UNIT)	NILAI RAMPASAN (RM)
2014	23,786	39,808,069
2015	31,020	27,556,847
2016 (JAN - OGOS)	13,454	40,806,931

RAMPASAN KELUARAN BERDAFTAR MELALUI PEMERIKSAAN

TAHUN	BIL. RAMPASAN (UNIT)	JUMLAH RAMPASAN (RM)
2014	5,176	479,379
2015	6,977	795,054
2016 (JAN - OGOS)	4,393	490,442

RAMPASAN KELUARAN TIDAK BERDAFTAR MELALUI PINTU MASUK

TAHUN	BIL. RAMPASAN (UNIT)	JUMLAH RAMPASAN (RM)
2014	18,239	3,813,643
2015	16,077	7,595,658
2016 (JAN - OGOS)	9,890	5,446,118

Tuan Yang di-Pertua,

Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan telah mengambil pelbagai langkah untuk memerangi masalah ini.

Pegawai-pegawai penguatkuasa farmasi di seluruh negara secara berterusan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pemantauan pasaran, pemeriksaan rutin, pendakwaan, serbuan dan rampasan. Penguatkuasaan pendaftaran produk dan penggunaan pelekat hologram Meditag pada produk kesihatan telah membantu untuk mengawal dan mengenalpasti status produk kesihatan di Malaysia. Produk kesihatan yang tidak berdaftar akan dirampas dari pasaran dan tindakan mahkamah akan dikenakan ke atas penjual dan pengilang yang terlibat dalam pemasaran ubat-ubatan ini.

Projek Serbu-Pantau-Didik (SPAD) yang telah dijalankan oleh setiap cawangan penguatkuasaan farmasi negeri perlu diteruskan memandangkan projek ini berkesan dalam mengurangkan penjualan ubat tidak berdaftar disamping mendidik para peniaga tentang kepentingan menjual produk berdaftar.

Aktiviti khusus untuk meningkatkan kesedaran orang ramai turut dijalankan dari semasa ke semasa bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan pengguna tentang penggunaan ubat-ubatan berdaftar. Pada tahun 2016 (sehingga Ogos), sebanyak 194 ceramah umum, 158 pameran dan 99 dialog telah dijalankan.

Selain itu, hebahan turut dibuat di media cetak dan media massa selepas sesuatu operasi rampasan produk berkenaan dilakukan untuk menyedarkan orang ramai akan bahaya penggunaan produk –produk tidak berdaftar. Penganjuran program-program kesedaran dihebahkan secara berterusan di media massa. Pihak kementerian juga memohon supaya dapat menyiarkan maklumat tersebut di siaran media elektronik (TV1 dan TV3) pada waktu puncak (*prime time*) secara percuma supaya masyarakat memperoleh maklumat secara cepat dan menyeluruh.

Kementerian ini juga sedang menggubal undang-undang baru farmasi (RUUF) untuk membolehkan kawalan yang lebih efektif dengan peruntukan hukuman yang lebih berat dan deteren ke atas kesalahan menjual ubat-ubatan tidak berdaftar yang dilakukan dalam pasaran Malaysia.